

Volume III
No. 46



Friday
3rd March, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

BILL:

The National Language Bill [Col. 6113]

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 6154]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Friday, 3rd March, 1967

The House met at Ten o'clock

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

The Honourable the Minister of Lands and Mines, **TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB** (Sarawak).

- „ the Assistant Minister without Portfolio, **TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN** (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, **TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K.** (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, **DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K.** (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, **TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K.** (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, **DR NG KAM POH, J.P.** (Teluk Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, **TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN** (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, **TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N.** (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, **TUAN ALI BIN HAJI AHMAD** (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, **TUAN CHEN WING SUM** (Damansara).
- „ **TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N.** (Melaka Selatan).
- „ **WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.** (Kuala Trengganu Utara).
- „ **TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN** (Lipis).
- „ **TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI** (Pasir Mas Hulu).
- „ **DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja** (Kuala Trengganu Selatan).
- „ **Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T.** (Rawang).
- „ **TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S.** (Segamat Utara).
- „ **TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P.** (Bachok).
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K.** (Kelantan Hilir).
- „ **TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N.** (Muar Utara).
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P.** (Seberang Utara).
- „ **PUAN AJIBAH BINTI ABOL** (Sarawak).
- „ **DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J.** (Muar Selatan).
- „ **TUAN AZIZ BIN ISHAK** (Muar Dalam).
- „ **TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N.** (Kluang Selatan).
- „ **TUAN CHAN SEONG YOON** (Setapak).
- „ **TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K.** (Bentong).
- „ **TUAN CHEW BIOW CHUON** (Bruas).
- „ **TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN CHIN FOON** (Ulu Kinta).

- The Honourable **TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN** *alias* **DAGOK ANAK RANDEN** (Sarawak).
- „ **TUAN C. V. DEVAN NAIR** (Bungsar).
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN** (Sarawak).
- „ **TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.** (Batu Pahat Dalam).
- „ **DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID** (Johor Bahru Timor).
- „ **TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.** (Jitra-Padang Terap).
- „ **TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K.** (Kapar).
- „ **TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P.** (Kulim Utara).
- „ **TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N.** (Jerai).
- „ **TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P.** (Baling).
- „ **WAN HASSAN BIN WAN DAUD** (Tumpat).
- „ **TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N.** (Raub).
- „ **DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K.** (Parit).
- „ **TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN** (Ulu Kelantan).
- „ **TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.** (Kota Bharu Hulu).
- „ **TUAN IKHWAN ZAINI** (Sarawak).
- „ **TUAN ISMAIL BIN IDRIS** (Penang Selatan).
- „ **TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.** (Johor Tenggara).
- „ **PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN KAM WOON WAH, J.P.** (Sitiawan).
- „ **TUAN THOMAS KANA** (Sarawak).
- „ **TUAN KHOO PENG LOONG** (Sarawak).
- „ **TUAN LEE SECK FUN, K.M.N.** (Tanjong Malim).
- „ **DR LIM CHONG EU** (Tanjong).
- „ **TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K.** (Alor Star).
- „ **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD** (Kota Star Selatan).
- „ **TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P.** (Port Dickson).
- „ **DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.** (Pasir Puteh).
- „ **TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD** (Besut).
- „ **TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.** (Jelebu-Jempol).
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.** (Kuala Langat).
- „ **TUAN MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N.** (Temerloh).
- „ **TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N.** (Sungei Patani).
- „ **WAN MOKHTAR BIN AHMAD** (Kemaman).
- „ **TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL** (Perlis Selatan).
- „ **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH** (Pasir Mas Hilir).

The Honourable **TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.** (Sarawak).

- „ **DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.** (Sabak Bernam).
- „ **TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD** (Tanah Merah).
- „ **TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja** (Kota Bharu Hilir).
- „ **TUAN NG FAH YAM** (Batu Gajah).
- „ **TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH** (Hilir Perak).
- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N.** (Perlis Utara).
- „ **TUAN QUEK KAI DONG, J.P.** (Seremban Timor).
- „ **TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.** (Johor Bahru Barat).
- „ **TUAN RAMLI BIN OMAR** (Krian Darat).
- „ **TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.** (Rembau-Tampin).
- „ **RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P.** (Kuala Selangor).
- „ **TUAN SANDOM ANAK NYUAK** (Sarawak).
- „ **TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S.** (Muar Pantai).
- „ **DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P.** (Menglembu).
- „ **TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K.** (Seremban Barat).
- „ **TUAN SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K.** (Seberang Selatan).
- „ **TUAN SNG CHIN JOO** (Sarawak).
- „ **TUAN SOH AH TECK** (Batu Pahat).
- „ **TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB** (Krian Laut).
- „ **TUAN TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K.** (Larut Utara).
- „ **TUAN TAI KUAN YANG** (Kulim-Bandar Bharu).
- „ **TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN** (Sarawak).
- „ **DR TAN CHEE KHOON** (Batu).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, J.P.** (Bagan).
- „ **TUAN TAN TOH HONG** (Bukit Bintang).
- „ **TUAN TAN TSAK YU** (Sarawak).
- „ **TUAN TIAH ENG BEE** (Kluang Utara).
- „ **TUAN TOH THEAM HOCK** (Kampar).
- „ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K.** (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Minister for Sarawak Affairs, **TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K.** (Sarawak).
- „ the Minister for Sabah Affairs, **TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.** (Sabah).
 - „ **TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N.** (Melaka Utara).
 - „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K.** (Kuantan).
 - „ **WAN ABDUL RAHMAN BIN DATO' TUANKU BUJANG, A.B.S.** (Sarawak).

- The Honourable **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS** (Sabah).
 „ **O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN**, P.D.K. (Sabah).
 „ **TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG** (Sabah).
 „ **TUAN S. FAZUL RAHMAN**, A.D.K. (Sabah).
 „ **DATU GANIE GILONG**, P.D.K., J.P. (Sabah).
 „ **TUAN GANING BIN JANGKAT** (Sabah).
 „ **TUAN GEH CHONG KEAT**, K.M.N. (Penang Utara).
 „ **TUAN STANLEY HO NGUN KHIU**, A.D.K. (Sabah).
 „ **TUAN KADAM ANAK KIAI** (Sarawak).
 „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA** (Sarawak).
 „ **TUAN AMADEUS MATHEW LEONG**, A.D.K., J.P. (Sabah).
 „ **DATO' LING BENG SIEW**, P.N.B.S. (Sarawak).
 „ **TUAN LIM KEAN SIEW** (Dato Kramat).
 „ **TUAN PETER LO SU YIN** (Sabah).
 „ **TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL** (Sabah).
 „ **TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI** (Sabah).
 „ **DATO' DR HAJI MEGAT KHAS**, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
 „ **TUAN MOHD. ARIF SALLEH**, A.D.K. (Sabah).
 „ **ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD** (Sabah).
 „ **TUAN ONG KEE HUI** (Sarawak).
 „ **TUAN D. R. SEENIVASAGAM** (Ipoh).
 „ **TUAN SULAIMAN BIN ALI** (Dungun).
 „ **PENGIRAN TAHIR PETRA** (Sabah).
 „ **TUAN TAN KEE GAK** (Bandar Melaka).
 „ **TUAN YEH PAO TZE**, A.M.N. (Sabah).
 „ **TUAN STEPHEN YONG KUET TZE** (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

THE NATIONAL LANGUAGE BILL

Second Reading

Order read for resumption of debate on Question, "That the Bill be now read a second time." (2nd March, 1967).

Debate resumed.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambong ucapan saya sa-malam tentang masaalah yang di-ucapkan oleh wakil dari Kuala Trengganu Utara yang telah membentangkan dalam Dewan ini suara²

sokongan kapada Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini, dan tidak langsung menyebut suara² bantuan oleh sagulongan besar badan² yang mewakili penchinta² bahasa saperti PENA (Persatuan Penulis² atau Pengarang² dalam Malaya ini) yang tidak di-siarkan dalam akhbar². Circular yang dikeluarkan oleh Badan Bertindak Bahasa pun tidak di-siarkan dalam akhbar², bagaimana mereka telah membantah di-atas Rang Undang² yang tidak dapat mewujudkan chita² hendak mendaulkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan yang tunggal sa-bagaimana yang di-janjikan oleh Kerajaan sa-puluh tahun dahulu. Dan tidak di-siarkan juga bantahan² dari bahagian² UMNO sendiri—taligram² yang di-hantar ka-Ibu Pejabat UMNO, membantah di-atas penyelewengan ini.

Mithal-nya sa-malam, Tuan Yang di-Pertua, rakan saya wakil dari Pasir Puteh telah berchakap satu jam sa-tengah menerangkan satu persatu masalah bahasa ini dan alhamdulillah, sa-bagaimana biasa yang lazim-nya di-'amalkan oleh Kerajaan, tidak sa-patah pun di-sebut dalam talivishen. Tetapi wakil Kuala Trengganu Utara yang menyokong Rang Undang² ini di-sebut dan di-siarkan dan di-masokkan gambar-nya sa-kali. Ini-lah demokrasi a la Perikatan.

Kita membantah Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah sa-bagaimana saperti yang di-uchapkan oleh wakil dari Kuala Trengganu Utara, kerana kita bukan tidak mahu bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, tetapi kita membantah kerana ada-nya Fasal² di-dalam Rang Undang² ini yang sudah terang² tidak dapat di-terima oleh kita kerana kita tahu ini-lah gara² yang akan merosakkan chita² mendaulatkan bahasa Melayu ini. Dan ini-lah perchakapan yang telah di-pusing oleh wakil dari Kuala Trengganu Utara.

Pernah, dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ini telah mem-bidas Persatuan Islam sa-Tanah Melayu kerana tidak mengutok chadangan wakil daripada Ipoh yang meminta dan mendesak dan demand supaya berbagai² bahasa ini di-gunakan. Wakil dari Kuala Trengganu Utara ini mengutok PAS kerana tidak membantah ucapan daripada wakil Ipoh ini. Kita mahu hanya satu bahasa dalam negara kita ini—kita mahu satu bahasa, ia-itu bahasa Melayu yang pun telah di-persetujui oleh Kerajaan sendiri. Apa erti-nya kita mengutok wakil dari Ipoh sedangkan apa yang dia minta itu Kerajaan tunaikan. Chuma, wakil dari Ipoh sa-malam berchakap, dia tidak puas hati kerana benda² yang ada dalam fasal² dalam Rang Undang² ini tidak begitu banyak atau pun tidak begitu kuat—sebab itu ia membangkang Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap-lah lagi wakil dari Kuala Trengganu Utara ini mengatakan kita ini otak beku—kita tidak tahu kalau wakil

Malaysia hendak pergi ka-Bangsa² Bersatu, takkan-lah hendak hantar orang² yang tidak tahu bahasa Inggeris atau pun takkan-lah perutusan surat² kita ka-Bangsa² Bersatu itu ditulis dengan bahasa Melayu. Boleh jadi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ini tahu atau pun tidak tahu, tetapi Bangsa² Bersatu itu tidak merasmikan bahasa Inggeris. Walau pun sa-orang wakil yang tidak tahu bahasa Inggeris, boleh menjadi wakil Malaysia ini di-Bangsa² Bersatu, termasuk-lah wakil dari Kuala Trengganu Utara sendiri pun boleh dilantek menjadi wakil ka-Bangsa² Bersatu ini, dan beliau, saya perchaya, dapat menunaikan tugas-nya yang baik mewakili Kerajaan Malaysia ini. Jadi tidak timbul sama sa-kali masalah bahasa Melayu atau pun bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang umur Dewan ini, dan sa-panjang yang saya mengikuti, baik sa-masa saya menjadi Ahli Dewan ini atau pun sa-belum-nya, banyak-lah perkara² karut yang sudah di-lakukan atau pun di-bawa ka-dalam Dewan ini. Dan pun-chak dari segala kekarutan itu ia-lah Rang Undang² yang di-bentangkan di-meja hari ini. Saya tahu, memang di-lahirkan Perikatan ini untuk menjadi tukang karut, dan munasabah pula saya katakan, tidak bernama Perikatan-lah kalau tidak karut fe'el-nya.

Dua tahun dahulu saya pernah membuat ucapan dalam Dewan ini berkenaan soal bahasa kebangsaan yang hendak kita daulatkan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal di-negara kita ini. Dalam ucapan saya itu telah saya tekankan, bahawa masalah bahasa kebangsaan ini bukan masalah PAS, bukan masalah UMNO, bukan masalah orang yang tidak berparti, tetapi ini ada-lah masalah national—masalah yang mengenai tuboh tuan² dan tuboh saya—tuboh tiga juta bangsa Melayu dalam tanah ayer kita ini. Dan mungkin beratus tahun lagi akan datang, bukan hak PAS dan bukan hak UMNO tetapi bahasa kebangsaan yang di-perjuangkan ini ada-lah masalah besar. Telah saya katakan dua tahun dahulu, "Saya tidak mahu melihat bila tiba masa-nya

bahasa Melayu ini hendak di-daulatkan atau hendak di-rasmikan, akan berkurangan daripada apa yang kita kehendaki, dan berkurangan daripada apa yang di-janjikan—80% mithal-nya atau pun 90% mithal-nya tidak sampai 100%.”

Saperti ucapan Yang Teramat Mulia Tunku pada satu masa dahulu, “Kalau tidak dapat kita rasmikan sapenoh-nya sedikit² pun ta’ apa-lah.” Ini-lah ucapan Yang Teramat Mulia Tunku. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu melihat bahasa rasmi ini dilaksanakan saperti apa yang terchatit di-dalam Perlembagaan dengan sapenoh-nya, dengan tidak ada chachat² atau dengan tidak ada berkurangan. “Orang² Melayu dalam UMNO dan PAS akan bersatu”—ini-lah ucapan saya dua tahun dahulu—“Akan bersatu bila² masa sahaja dalam masaalah besar mengenai bahasa ini. Jikalau Kerajaan tidak bertegas lagi dalam soal bahasa yang menjadi benteng yang akhir bagi kita bangsa Melayu ini, saya perchaya, sa-suatu yang tidak baik akan timbul, dan seluroh baka Melayu akan bangun dalam memper-tahankan hak-nya yang penghabisan ini.” Demikian, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dua tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, masa yang ditunggu² telah tiba, sa’at yang di-nanti² telah menjelang—di-hadapan kita hari ini di-bentangkan Rang Undang² yang hendak di-kuat-kuasakan bagi bahasa kebangsaan, yang hendak mendaulatkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal dalam negeri ini. Sa-puluh tahun kita tunggu dengan perasaan berdebar², sa-puluh tahun sorakan² “Bahasa Jiwa Bangsa”, kita laungkan, sa-puluh tahun lama-nya kita menunggu sa’at bersejarah bagi keturunan bangsa Melayu ini, sa-puluh tahun kita nyanyikan lagu bahasa, sa-puluh tahun kita menunggu anak yang akan di-lahirkan dari persada ibunda—apa yang kita harapkan² untuk mewarishi pusaka nenek moyang yang sudah lama pergi, dengan harapan kita berdaulat kembali. Anak yang sejak dalam kandungan lagi kita telah nyanyikan lagu² gembira, anak yang sejak dalam kandungan lagi telah kita

harapkan akan membawa chahaya purnama, anak yang kita harapkan memberi tempat baharu bagi negara kita ini, atau nafas baharu bagi bangsa Melayu ini, anak yang kita harapkan untuk membawa perdamaian di-antara keluarga yang sudah lama di-pisah²-kan, anak yang kita harapkan untuk membawa perdamaian dan berpandu antara jiran² yang berjumlah 150 juta.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, hati mana yang tidak meratap hiba, hati mana yang tidak bersekeh rasa, hati mana yang tidak menangis, hati mana yang tidak berduka dan hati mana yang tidak bersumpah chelaka bila melihat anak yang di-lahirkan itu chachat,—chachat dalam kelahiran-nya chachat dalam bentuk-nya dan chachat dalam serba serbi-nya. Hati mana, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan bertanya, “Apakah dosa ku wahai Tuhan hingga demikian nasib ku di-timpa malang; apa-kah dosa ku, oh! Tuhan hingga anak ku yang sa-orang ini pun tidak boleh di-jadikan baka bagi menghadapi masa hadapan?”

Saya mengaku membuat kesilapan dengan mengharap² orang² UMNO akan bersatu dengan PAS dalam menghadapi soal ini kerana bila sampai masa-nya mengharap² orang² UMNO akan berdiri tegas dalam memperjuangan soal bahasa ini, samalah saperti mengharap² tandok dari kuching. Tandok tidak tumbuh kuching mati beragan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² Bahasa Kebangsaan yang di-bentangkan oleh Kerajaan pada hari ini mempunyai chachat² dalam Fasal 3, 4, 5 dan 6, dan kita bertanya mengapa fasal² ini di-masokkan dalam Rang Undang² ini? Di-mana-kah letak-nya tanggung-jawab Kerajaan dalam janji²-nya sa-belum kita merdeka? Di-mana-kah letak-nya amanah ra’ayat yang di-pikulkan ka-atas Kerajaan ini? Apakah Kerajaan sudah berasa perkara bahasa ini soal kechil yang dengan mudah sahaja dapat di-selesaikan dengan mengorbankan hak satu bangsa dan di-berikan pula hak yang lumaian kapada bangsa yang lain? Apakah dengan arahan² dan perintah² supaya

jangan di-siarkan ulasan² dari mereka yang menentang rang undang² bahasa ini? Kerajaan sudah berharap dapat mengabui mata ra'ayat, dapat membuta hati ra'ayat, sa-hingga Programme Forum yang telah di-sediakan oleh Badan Bertindak Bahasa Kebangsaan itu, dengan sa-chara kejam dan dengan sa-chara tidak demokratik, dibatalkan. Apa-kah pehak Kerajaan ini sudah sa-masak²-nya memikirkan hal ini, sudah chukup² memikirkan dan sudah mentafsirkan dengan menutup mulut² orang yang menentang itu? Kerajaan akan dapat kemegahan atau kemenangan dan orang ramai tentu akan menerima Rang Undang² ini dengan baik. Sampai bila ra'ayat boleh menelan benda busok? Satu masa ra'ayat akan sedar yang sa-lama ini mereka di-tipu dan bila kesedaran itu tiba, ra'ayat akan muntah dan kita itu Kerajaan ini akan menghadapi atau berhadapan dengan satu benda yang tidak mahu saya teruskan apa benda itu. Mengapa Kerajaan tidak dapat menghadapi soal bahasa ini dengan sa-chara jantan, dengan sa-chara berhadapan dengan mereka² yang menentang di-hadapan umum?

Belum pun Rang Undang² ini dibentangkan dalam Dewan ini, Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran, yang kebetulan menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, telah mengeluarkan directive ia-itu siapa sahaja di-antara Ahli² Dewan ini yang menentang Bill ini daripada gulungan Parti Perikatan ialah orang² yang sudah menentang, orang² yang sudah melanggar tata-tertib Parti dan orang² itu boleh di-amil tindakan disiplin. Ini demokrasi? Belum pun sempat orang itu berchakap sudah pun di-keluarkan arahan—siapa sahaja yang menentang Rang Undang² ini akan di-chap melanggar tata-tertib Parti dan boleh di-amil tindakan disiplin. Ini demokrasi, Tuan Yang di-Pertua? Bahasa Kebangsaan yang kita perjuangkan ini bukan benda baharu, bukan 10 tahun, tetapi sudah ratusan tahun di-perjuangkan oleh mereka² yang terdahulu daripada kita—patah tumbuh hilang berganti. Perjuangan bahasa berjalan terus sa-belum dan sa-sudah merdeka.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan dua helai kertas hijau ini—kertas Rang Undang² ini—perjuangan ratusan tahun itu hendak di-kuborkan, perjuangan bahasa di-khianati oleh Kerajaan, tolak ansor yang aneh ini oleh Kerajaan yang karut ini. Bagaimana hak tuan punya negeri ini? Yang lain sudah di-selesaikan, yang baki satu ini pun tidak sedap duduk orang² Perikatan ini. Memang saya sedar orang² Perikatan ini akan merasa bagaimana pahit-nya hidup di-'alam ini sa-lagi tiap² satu yang bernama Melayu itu belum di-hapuskan sa-lama itu-lah perjuangan mereka belum tamat. Bila kesemua-nya yang bernama Melayu ini sudah tidak ada lagi baharu-lah mereka akan berkata amin—alhamdulillah—sudah selesai-lah politik yang di-perjuangkan! Kemudian akan bersharah²-lah orang² ini menepok² dada,—“Orang² lain tidak pandai memerintah, tidak layak, terutama PAS ini bodoh, fikiran beku, tidak layak memerintah, hanya saya sahaja yang layak memerintah! Saya-lah orang yang paling chekap, saya-lah orang yang bijak. Tengok, apa yang telah saya lakukan daripada A sampai Z! Habis saya sedekahkan kapada orang, tidak bijak lagi saya?”

Pernah berlaku di-negara lain, Tuan Yang di-Pertua, apabila soal bahasa ini hendak di-kuatkuasakan atau pun dipinda, pertumpahan darah akan berlaku, nyawa akan melayang, darah akan mengalir. Tetapi di-negeri kita ini, memang telah di-beri Tuhan baik benar jiwa² pemimpin kita yang banyak bertolak ansor ini. Belum pun terjadi apa², sudah menyerah kalah! Hingga janji-nya pada bangsa-nya sendiri pun sanggup di-noda dan di-khianati, asalkan kawan² yang lain jangan menaruh bimbang; asalkan kawan² yang lain jangan iri hati; asalkan kawan² yang lain jangan marah kerana kita sama² ma'alum bila menjelangkan masa Pilehan Raya, kawan² ini-lah yang banyak memberikan derma² untuk jentera Pilehan Raya itu.

Tuan Yang di-Pertua, kapada mereka yang mendatang, yang sudah kita berikan apa sahaja yang ada pada milek kita—hak politik kita telah jadi

hak politik bersama—hak ekonomi mereka boleh dikeluarkan

Mr Speaker: Saya suka hendak bertanya berapa panjang lagi?

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Sadikit sahaja lagi. Setelah kita berikan kesemua-nya ini, kita meminta hanya satu sahaja, ia-itu mereka sa-bagai balasan baik budi—hanya satu sahaja yang kita minta—ia-itu berchakap dan menerima-lah bahasa Melayu ini sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal.

Permintaan kita yang satu ini pun mereka tolak. Mereka tidak sanggup menunaikan permintaan kita ini, apatah lagi jika kita meminta mereka hormati lagu² negara, bendera negara, Perlembagaan negara—jauh panggang dari api! Apa-kah ini tanda² yang mereka betul² ta'at setia kepada negara ini atau mereka hanya mahu mendapatkan hak sa-bagai tuan dan menggunakan kesempatan sa-bagai tuan? Ini untuk menghisap segala kekayaan negara dan tinggal anak watan negeri ini dalam kepapaan dan sekarang orang² yang tidak tentu ta'at setia-nya ini-lah yang mendapat kemenangan dengan Bill atau dengan Rang Undang² yang di-bentangkan ini.

Yang Amat Berhormat, Tunku Perdana Menteri, dalam ucapan pada hari Pembukaan Minggu Perpaduan Negara baru² ini, telah terang² mengatakan, Tuan Yang di-Pertua,—saya meminta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, hendak quote sedikit ucapan Yang Teramat Mulia Tunku ini—

“Sungguh pun begitu, saya rasa sangat kesal kerana sa-hingga hari ini maseh lagi terdapat orang² di-negeri ini yang tidak mengindahkan Lagu Kebangsaan itu apakala di-bunyikan di-majlis² perhimpunan, di-panggung² wayang dan sa-bagai-nya. Mereka tidak menghiraukan Lagu Kebangsaan mereka dan sikap mereka itu sa-olah² mereka menghinakan bangsa dan negara mereka sendiri. Orang² ini-lah juga yang membuat bermacam² tuntutan, saya ulang sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, orang² ini-lah juga yang membuat bermacam² tuntutan kepada Kerajaan untuk mendapatkan faedah daripada negara yang mereka sendiri tidak dapat menunjukkan penghormatan yang sa-layak-nya. Mereka tidak dapat memenohi kehendak dan syarat sa-bagai sa-orang warganegara untuk menghormati lambang keagungan

bangsa mereka. Saya fikir tidak ada satu benda yang sa-habis burok ka-atas dunia ini daripada kelakuan dan sifat mereka yang hina itu”.

Ini-lah ucapan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita. Dan orang² ini-lah, untuk orang² ini-lah, Fasal 3 ini di-buat, di-adakan dalam Rang Undang² yang di-bentangkan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, berkata lagi Yang Teramat Mulia Tunku, “Orang² Melayu hendak-lah bertimbang rasa terhadap bangsa² lain”. Saya suka bertanya kepada Yang Teramat Mulia Tunku: nasihat yang sama seperti ini sudah-kah di-berikan kepada bangsa lain; bertimbang rasa-lah kepada bangsa Melayu ini; sudah-kah nasihat yang seperti ini di-berikan kepada orang lain? Kasehan-lah terhadap bangsa Melayu ini yang sudah hilang segala² yang ada pada-nya. Kita tidak pernah mendengar Yang Teramat Mulia Tunku berkata demikian—berkata memberi nasihat supaya orang lain itu bertimbang rasa kepada bangsa Melayu,

Sudah nasib kita, Tuan Yang di-Pertua, orang² Melayu ini menjadi tukang dengar dan tukang lihat. Kita dapat mendengar cherita² mewah, cherita² ma'amor, cherita² bahagia. Tetapi yang mewah, yang ma'amor dan yang bahagia itu bukan kita. Kita dapat melihat bagaimana kema'amoran ini. Hanya melihat dan orang lain yang merasai kema'amoran itu. Memang bagi orang Melayu sudah chukup dengan memandang wajah pemimpin² mereka apabila pemimpin² itu melawat satu daerah ka-satu daerah dan, seperti biasa, bila pemimpin² ini melawat satu daerah ka-satu daerah, akan di-beri-lah janji², dan bagi ra'ayat sudah memadai, khas-nya orang Melayu. Ini sudah memadai dengan janji² balai raya dan kelas dewasa. Itu sudah chukup! Shukur pemberian Tuhan dan anugerah Tuhan!

Pernah kita mendengar, Tuan Yang di-Pertua, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri mengatakan kalau kita tidak bertolak ansor huru hara akan timbul. Kena-lah kita bertolak ansor apa-lah salah-nya. Ya, hasil daripada bertolak ansor ini-lah di-bentangkan Rang Undang² ini. Yang Teramat

Mulia Tunku Perdana Menteri dalam ucapan membentangkan Rang Undang² ini telah berkata, Rang Undang² ini ia-lah untuk memberi kepuasan semua pehak. Kepuasan semua pehak! Jadi saya, bila mendengar ucapan ini, tertanya²-lah juga saya macham mana saudara² daripada orang UMNO itu akan bertepok² dada mengatakan ini-lah bahasa kita yang di-daulatkan? Sedangkan ucapan Yang Teramat Mulia Tunku itu mengatakan kepuasan semua pehak, bukan satu pehak. Kerana takut kepada bayangan huru hara ini. Tuan Yang di-Pertua, orang² Melayu di-minta supaya bertolak ansor. Tidak pernah di-minta kepada orang lain supaya bertolak ansor. "Kamu sudah dapat semua sa-kali yang lain, yang satu ini—bahasa Melayu ini pun bagi-lah, tidak usah-lah di-pechah²kan". Tidak pernah dia berchakap macham itu.

Jadi, orang Melayu ini, kalau tidak bagi, huru hara. Jadi berpuncha-nya hura hara ini dari orang Melayu. Kalau orang Melayu tidak bagi—ini hura hara! Kalau orang Melayu tidak bagi, itu hura hara! Jadi kalau orang lain yang menuntut dan kalau orang Melayu tidak bagi, ini tidak-kah timbul huru hara? Ini-lah benda yang tidak pernah di-fikirkan oleh kita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum daripada Rang Undang² ini di-bentangkan, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah berkata akan melawat ka-seluruh pelusok tanah ayer, seluroh pelusok rantau untuk menerangkan kepada ra'ayat tentang dudok-nya perkara yang sa-benar-nya mengenai Rang Undang² Bahasa ini. Saya ingin bertanya, apa-kah tujuan lawatan ini? Kalau sudah Kerajaan ini berasa yakin yang ra'ayat, khas-nya orang Melayu, berkenaan dan akan menerima Rang Undang² ini, mengapa mesti di-beri penerangan atau ada-kah tujuan lawatan ini sa-kali lagi hendak di-gunakan untuk mengabui mata bangsa Melayu—sa-kali lagi bangsa Melayu hendak di-tipu, saperti di-tipu dengan cherita² hak istimewa dalam Perlembagaan yang ada sekarang? Kalau pun perlu lawatan itu di-buat dan perlu bertanya fikiran ra'ayat tentang masalah Rang

Undang² Bahasa Kebangsaan ini, mengapa tidak Rang Undang² ini di-berikan peluang sa-chukup-nya kepada ra'ayat bersuara menyatakan bersetuju atau pun tidak dengan melalui satu referendum sa-belum Rang Undang² ini di-bawa ka-Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua, kapada ra'ayat sa-patut-nya di-berikan peluang yang sa-luas² kerana masalaah ini masalaah yang besar bukan saperti chara sekarang. Rang Undang² ini di-luluskan dan di-sogokkan ra'ayat tidak boleh menyuarakan bantahan sa-belum Rang Undang² ini di-bentangkan di-Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, sa-belum Rang Undang² ini di-bentangkan di-Dewan ini-lah patut Yang Teramat Mulia Tunku melawat—sa-belum Rang Undang² ini di-bentangkan—bukan sa-sudah Rang Undang² ini di-bentangkan—sa-belum di-bentangkan dalam Dewan ini patut-nya Tunku membuat lawatan dan menerangkan kepada ra'ayat tentang Rang Undang² ini dan bertanya suka-kah wahai orang² Melayu menerima Rang Undang² ini yang benar. Bukan sa-sudah Dewan ini meluluskan Rang Undang² ini baharu-lah hendak melawat hendak memberitahu kedudukan yang sa-benar-nya. Tetapi Rang Undang² ini sudah di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum dan sa-sudah Rang Undang² ini di-bentangkan kita mendengar suara² yang mengatakan Fasal 3, Fasal 4 ini tidak mustahak—tidak begitu mustahak dan mengikut laporan atau penerangan daripada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sa-malam, Fasal 3 ini ia-lah di-tujukan khas kepada pengganas² atau pun orang² tua yang hendak menyerah diri dia orang tidak tahu hendak menyerah diri kerana tidak di-tulis dalam bahasa mereka, jadi terpaksa-lah di-tulis dalam bahasa mereka mudahan² bila mereka membacha tulisan dalam bahasa mereka itu, mereka akan menyerah diri. Saya tidak tahu berapa ramai lagi pengganas ada di-Malaysia ini sa-hingga sa-buah Rang Undang² pun di-masokkan satu fasal khas untuk pengganas² itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyokong atau menerima Rang Undang² ini,

saperti yang di-ucapkan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Tunku, ia-lah satu pengkhianatan. Membangkang Rang Undang² ini ia-lah satu pengkhianatan? Dan saya berkata menerima Rang Undang² ini ia-lah satu pengkhianatan—pengkhianatan kepada Perlembagaan kita sendiri dan pengkhianatan kepada pejuang² bahasa kita.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak mahu menjadi sa-orang tukang pengkhianat. Saya tidak dapat memberikan sokongan kepada Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah kita, saya gunakan perkataan “kita” di-sini bererti termasuk saya sama, dapat-kah kita melihat seluroh baka Melayu ini hanchor dengan chita² bahasa rasmi ini dengan sa-mata² niat kita hendak duduk dalam Dewan ini sa-bagai Wakil Ra'ayat?

Apa-kah kerana menjaga kepentingan kita—kita sanggup melihat hak Melayu yang penghabisan ini pun di-kuborkan dengan dua helai kertas? Dapat-kah kita melihat tertegak-nya Kerajaan yang ada sekarang ini di-atas kehanchoran chita² perjuangan bangsa Melayu? Dan di-atas kehanchoran itu mengalir-lah ayer mata kita orang Melayu. Saya sedar bagaimana sakit-nya tuan² menghadapi pemerintahan sekarang dengan Parti Tiga Serangkai ini. Saperti memikul biawak hidup—hendak di-buang sayang, hendak di-pikul tak lalu. Bagitu-lah perasaan yang ada di-lubok hati tuan². Tetapi jangan-lah kita lupa, Tuan Yang di-Pertua, penyokong atau pun Kerajaan ini takut perpechahan berlaku jikalau Rang Undang² ini tidak di-luluskan atau pun tidak di-bentangkan. Perpechahan akan berlaku. Kita tidak tahu ada-kah perpechahan itu burok atau pun dengan kerana perpechahan itu ada tersembunyi sa-suatu rahmat Tuhan yang lebeh baik dari sekarang. Ini-lah benda yang di-takuti sangat.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga chadangan saya hendak kemukakan mengenai Rang Undang² ini. Yang pertama di-tarek balek dan di-gantikan dengan Rang Undang² yang lain dengan

tidak ada Fasal 3, 4, 5 dan 6 ini. Dan kami boleh menerima pindaan itu.

Yang kedua, sembahkan Rang Undang² ini ka-sidang Majlis Raja² Melayu sa-belum Dewan ini meluluskan. Dan yang ketiga, Kerajaan ini sudah sampai masa-nya meletakkan jawatan dan mengadakan satu pilihan raya baru meminta mandat dari ra'ayat dan pilihan raya itu hendak-lah di-asaskan di-atas Rang Undang² ini.

Mr Speaker: Saya kurang dengar, minta apa?

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Minta mandat. Tuan Yang di-Pertua, ini-lah tiga chadangan saya. Yang soal lain, kalau Kerajaan mahu terima tidak mahu terima, itu soal lain. Tetapi, saya telah menyampaikan chadangan saya ini. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun pehak PAS ini membangkang, Kerajaan akan berkeras hati dan akan meluluskan juga Rang Undang² ini saperti apa yang di-ucapkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku walau pun jatuh Kerajaan ini—Rang Undang² ini mesti di-luluskan. Jadi kalau sanggup sampai bagitu, ayoh, teruskan! Cherita hendak teruskan ini sudah menjadi cheria lazim, cherita yang selalu di-lakukan, di-amalkan. Boleh jadi, hari ini tuan² mengatakan memang apa yang di-unchapkan oleh ahli² PAS itu tidak betul, karut dan sa-bagai-nya. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, tak-lah menjadi soal sangat apa yang tuan² hendak kata itu, kerana memang tuan² tak dapat menyokong kita kerana tuan² ini tuan², dan kita ini kita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, 100 tahun kemudian akan ada-lah orang yang berkata bahawa ucapan itu benar. 100 tahun kemudian akan ada-lah orang yang berkata apa yang di-ucapkan oleh Wakil PAS itu benar. Tetapi, 100 tahun itu, Tuan Yang di-Pertua, sudah tidak ada guna-nya dan di-masa itu anak² kita sudah menjadi abdi kapada orang lain.

Boleh jadi masa itu PAS ini pun tak ada, dan boleh jadi masa itu, Tuan Yang di-Pertua, Perikatan ini pun tak ada. Jadi kita ini ashek anak chuchu

chichit kita, jenerasi kita, yang akan datang 100 tahun lagi ini akan membacah sejarah atau pun mereka² akan membacah minit² meshuarat Dewan ini. Dan mereka berkata-lah bahawa apa yang di-ucapkan oleh PAS itu betul tetapi masa itu tak ada guna.

Tuan Yang di-Pertua, meluluskan Rang Undang² ini bererti telah mengkhianat terhadap chita² murni umat Melayu dalam memperjuangkan chita² kebangsaan dan chita² bahasa kebangsaan ini. Dan di-atas pengkhianatan ini Kerajaan Perikatan akan membayar harga yang mahal—akan membayar harga yang mahal. Tuan Yang di-Pertua, bagi PAS kita telah menunaikan kewajipan. Kita telah berchakap dan membentangkan satu persatu masaalah Bill ini dan Undang² ini kita telah berchakap menyatakan bantahan, bangkangan². Dan saya fikir kita telah menunaikan kewajipan kita sedikit sebanyak terhadap tiga juta bangsa Melayu ini. Chita² memperjuangkan bahasa kebangsaan ini, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini atau pun bahasa kebangsaan yang hendak dirasmikan, bukan sahaja sa-takat Dewan ini. Itu dapat saya memberi jaminan kita akan memperjuangkan chita² bukan sahaja chita² bahasa kebangsaan ini mesti di-daulatkan dengan tunggal dalam negara kita ini, tetapi kita akan memperjuangkan apa yang telah menjadi chita² kita kerana kita tubuhkan parti PAS ini kita mahu kedaulatan bangsa Melayu sa-bagai tuan dalam negeri ini mesti di-jamin. Chita² perjuangan ini akan kita teruskan dan satu daripada chita² itu ia-lah bahasa kebangsaan ini. Tidak ada suara di-bawah langit ini dapat menyekat kita daripada berjuang hendak menegakkan hak orang Melayu. Kita bukan sa-orang pengechut, bukan orang penakut. Kalau hendak kita takut, lama sudah kita tutup PAS ini, kerana banyak pemimpin² PAS berhijrah ka-Batu Gajah. Kalau hendak kira takut, telah lama kita berhenti atau pun kita bertedoh di-bawah naungan Kerajaan Perikatan yang bijaksana dan jujur ini! Tiap² titek darah yang mengalir di-tuboh kita ini akan kita gunakan,

akan kita sedekahkan untuk perjuangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta pada semua pehak akhbar, tuliskan tiap² patah yang di-ucapkan oleh PAS ini, dan tinggalkan sa-bagai sejarah bagi generasi kita akan datang. Kapada Bill—Rang Undang² ini—saya katakan, "*Go to hell!*" Dan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, perkataan *Go to hell* itu ada-lah unparliamentary. Saya harap Yang Berhormat itu tarek balek—*point of Order*.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara dan Yang Berhormat daripada Kuala Lipis samalam dalam penutup ucapan-nya—ah, Yang Berhormat bukan dari Kuala Lipis, minta ma'af, Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara. Tetapi kerana berbetulan ada sa-suatu persamaan di-antara Kuala Lipis dan Kuala Trengganu Utara ini, saya suka-lah membalas pantun mereka :

Orang Siam bermain katak,

Katak di-isi dalam kotak.

Tengok kepala, alhamdulillah, bukan main botak;

Tetapi sayang, tak ada otak.

Tuan C. V. Devan Nair (Bungsar): Mr Speaker, Sir, it must be an ordeal for any rational mind to participate in a debate which is largely conducted from the solar plexus and not from the cerebral cortex, a debate which can so easily and so harmfully be charged with irrational and sub-rational attitudes towards questions of language, education and culture. But one must hope, even against hope, that there will be found a sufficient number of rational minds in our society, who will not lack the courage to go through this ordeal; and if the rational minds of our society shirk this responsibility, then this nation must inevitably run to waste, futility and ruin. As a constitutional and law-abiding bird myself, and

as the representative of a constitutionally based political party, my colleagues and I do not possess, nor do we desire to possess, any expertise in the violent arts of brick-throwing, head bashing, or even hand grenade throwing in order to establish in practice the principles which we uphold.

In such an event, people like us might perforce be obliged to get under the table and leave the field to those who believe in violent, extra constitutional methods of political action. I must emphasise that the appeal I intend to make in this House will be directed to the rational intellect and not to the solar plexus or to the lower vital regions of the people of this country. I do not expect all rational minds to agree with me and my colleagues in the D.A.P., as I acknowledge that other rational minds possess the prerogative to disagree with us—but in a civilised fashion! It is vital that the leadership of our nation must show that it is capable of presiding over such a rational debate and discussion, and will take care not to let it be diverted from this level by the purveyors of communal fears, hatreds and suspicions, no matter from which community they come and no matter to which political party they may belong.

Sir, I think many members of the general public are aware of some of the problems and headaches faced by the Honourable Prime Minister in introducing this Bill. They are aware of the raucous and fractious minority in his own ranks, who beat the drums of absolute intolerance of all languages, other than the National Language.

I will submit, however, with all respect to the Prime Minister, that it would be exceedingly unwise to assume, as he and his Government appear to have done, that non-Malay opinion on the matter is non-existent in the country, and that it does not require satisfaction or assuagement. There is a misleading assumption that non-Malay opinion presents a monolithic unity of acceptance of the

provisions of this Bill, based on no less flimsy a justification than the pantun reciting concord exhibited in this Chamber yesterday morning by the leaders of the M.C.A. and M.I.C.—I refer to the Honourable the Minister of Finance and his colleague the Honourable the Minister of Works, Posts and Telecommunications.

There is of course, Sir, another and an uncharitable view going around, to which I do not subscribe and which, I hope, the Government will effectively deny, to the effect that this is not a misleading assumption, but a deliberate pretence on the part of the Government that only sections of Malay opinion require persuasion to accept the provisions of this Bill. Be that as it may, the general public are also aware, and I think the Prime Minister's own Cabinet colleagues will readily acknowledge, that no other leader in this country enjoys, to the same pre-eminent degree, the multi-racial esteem which the Tunku enjoys, and to go with it, the same capacity to communicate effectively to the people of all communities the vital need to accept and accommodate each other's languages and cultures, and to translate into concrete terms the constitutional safeguards to preserve and sustain the study and use of other major languages in the country.

But sooner or later, Sir, destiny must take a hand, for the Tunku cannot always be with us. In that event, a major opportunity to consolidate the fabric of national unity on the basis of multi-racial values may be irretrievably lost. It is with these considerations in mind that I intend to offer constructive criticisms of the Bill as it stands, and my major contention will be that the real intentions of the Government are not made explicit in the Bill.

This Bill has been presented by the Government as a compromise between extreme positions on the language issue in this country. It is undoubtedly a compromise, or an attempt at a compromise, representing as it does, a departure from the inflexible position taken by a few Malay extremists in the

country. To this extent, the Prime Minister and his moderate colleagues in the Alliance Government deserve some praise. But I am afraid that this praise must be qualified by the observation that it is not enough of a compromise, lacking as it does any firm guarantees as to how the Government proposes to preserve and sustain the continued use and study of the languages of other communities in the Federation as provided for in the Constitution.

The D.A.P. has always accepted without reservation, or qualification of any kind, Malay as the National Language, to establish it eventually as the chief language of administration in the country. On November 8, 1966, the Central Executive Committee of the D.A.P. issued a policy statement on "Language, education and culture in a multi-racial society" in which the following points were made:

- (1) In the very nature of things, Malaysia cannot become a Malay nation, or a Chinese nation, or an Indian nation, or a Dayak nation.
- (2) The Malaysian Constitution guarantees the preservation and sustenance of other languages and cultures in the country. In other words, the Constitution provides, both in spirit and intention, that no linguistic or cultural group in this country need fear deculturation. There is no intention in the Constitution to Malayise anybody, any more than there is any intention to Anglicise, Sinicise or Indianise anybody. On the contrary, the clear spirit and intention of the Constitution is to build a multi-racial and multi-cultural Malaysian nation, united in a common economic, political and territorial life, and developing within this context a common National Language, while at the same time promoting and preserving other languages and cultures.
- (3) Accordingly, it is desirable to review the whole educational

system of the country with a view to translating into national educational practice the pledge in the Constitution to preserve and sustain the use and study of the other major languages in the country.

Even a cursory survey of the educational system will show that the role and status granted to Chinese and Tamil as media of instruction fall short of both the spirit and intention of the Constitution.

In this connection, it would be pertinent to observe that Chinese, Tamil and English have become Malaysian languages, by virtue of the fact that considerable numbers of Malaysian citizens speak these languages. In any case, it is difficult for us to see how the constitutional safeguard to preserve and sustain the use and the study of these languages can be implemented, if they are not given due recognition and status as media of instruction in both National Type Primary and Secondary schools.

I submit that if this is not done the constitutional safeguard will in due time be rendered meaningless. This is not too great a step forward to take. The Minister of Education has already assured us that in national-type primary schools Chinese and Tamil are already employed as media of instruction. Just one little step more is called for, and that is, to establish the same principle in national-type secondary schools, so that Chinese and Tamil are made the media of instruction and examination in their respective streams. It is such a very small step to take, but it would have enormous significance in establishing, beyond any doubt, the *bona-fides* of the Government.

- (4) The fact that the National Language by virtue of its status is bound to become the chief language of administration in the

country need not, and should not, mean that the other major languages in the country, namely Chinese, Tamil and English, are not accorded even a subsidiary official status and use in the country.

Such were the main points, Sir, made in the D.A.P.'s policy statement issued in November last year. The Central Executive Committee of the Party instructs me to state that we still stand by that policy statement. We acknowledge that this policy will not be immediately acceptable in its entirety, but we believe that ultimately all persons of tolerance and goodwill must come to accept that this would be the only sane and rational policy in a multi-racial society.

Our plea to the Government, and particularly our plea to gentlemen like Tuan Syed Nasir and gentlemen in the National Language Action Front, is as follows:

Teach us, please, to love the National Language and not to fear it!

Teach us to love it as a vital factor for unification in a multi-racial society, but not to fear it as a sinister instrument for the eventual annihilation of other languages and cultures in this country!

This is precisely the fear that has been engendered by Malay extremist opinion, and this is the same fear which has vitiated the otherwise loyal acceptance by Malaysian citizens of non-Malay origin of Malay as the National language. It is not so much the letter as the spirit which is wanting in this Bill. The letter is all right but the crucial question is, what are your intentions? No one has any serious quarrel with either the letter or the spirit of the safeguards provided in the Constitution, but there are serious doubts as to the real intentions of those who are responsible for the implementation of these safeguards. And the intentions of the Government will remain in grave doubt, simply because there are no guarantees in the Bill that the implementation of the National Language Act will not mean the steady and continuing erosion of the rights of other linguistic groups in

the country. I say, Sir, give us certain minimum guarantees, so that the public may be satisfied that this Bill does not represent, as it were, the thin end of the wedge as far as Malaysians of non-Malay origin are concerned. Even the continued use of the English language for such official purposes as may be deemed fit is made conditional on the consent of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. In other words, even English is not to be accepted; it is merely to be tolerated and, need I say, Sir, that Malaysians of non-Malay origin find it galling to be merely tolerated instead of being accepted. They do not want to be tolerated. They want to be accepted.

Be that as it may, Sir, I am prepared to support this Bill, in spite of its deficiencies, provided the Government will accept an amendment which will put beyond doubt the intentions of the Government with regard to the preservation and sustenance of the use and study of the other major languages in the country in pursuance of the safeguard provided in Clause 152 (1) (b) of our Constitution and also in pursuance of Article 26 (iii) of the Universal Declaration of Human Rights adopted by the General Assembly of the United Nations in December, 1948, to which Declaration the Government of this country subscribes. The amendment I have in mind, Sir, is the addition of a further Clause which may be numbered as Clause 9 of the Bill and reads as follows:

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentoh sedikit tentang pertunjukan perasaan oleh Barisan Tindakan Bahasa Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, malam tadi dan pagi ini, kita telah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, memberi amaran kepada sa-siapa pun yang memecah atau pun mengachau keamanan negara kita; tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malang-nya sa-buah pertunjukan perasaan oleh Barisan Tindakan Bahasa Kebangsaan telah berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa pehak Polis tidak mengambil langkah atau tindakan² yang sesuai tentang pertunjukan perasaan itu?

Kita telah lihat, dalam tahun yang lalu ada-lah pertunjukan perasaan dan ahli² yang mengambil bahagian dalam pertunjukan perasaan itu telah ditangkap oleh pehak polis dan di-bawa ka-Mahkamah dan ada sedikit telah di-denda oleh Mahkamah tersebut. Mengapa saya hendak bertanya Menteri yang berkenaan pehak polis di-sini tidak mengambil tindakan yang lengkap dan sesuai?

Saya berharap di-masa yang akan datang sa-siapa pun yang hendak memecahkan keamanan di-negeri ini, mesti-lah pehak polis mengambil tindakan yang lengkap.

Mr Speaker, Sir, the stern warning of the Prime Minister and also the Minister of Home Affairs should be taken care of by anyone who wants to break the peace of this country. They should be told in no uncertain terms, these zealots, these extremists, these fanatics, these mad mullahs must be told in no uncertain terms that whatever party they may belong to or whatever racial origin they may be, they are not above the law and the law will have to take its course if they disturb

the peace, and I do hope that the Police will take note of the stern warning uttered by both the Prime Minister and the Minister of Home Affairs.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, mari-lah kita bekerjasama² untuk penggunaan keutamaan, kejayaan dan kepentingan² bahasa kebangsaan kita supaya bahasa kebangsaan kita boleh 100% atau sa-penoh²-nya menjadi bahasa rasmi yang tunggal dan begitu juga alhamdulillah supaya negara kita boleh mencapai keamanan, kema'amoran dan kebahagiaan yang lebeh lanjut-nya. Terima kaseh (*Tepok*).

Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya berucap mengambil bahagian di-dalam perbahathan ini, saya suka-lah hendak menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada sahabat saya, Ahli Yang Berhormat dari Batu, yang telah membuka ucapan-nya di-dalam bahasa kebangsaan tadi. Saya harap tidak berapa lama lagi beliau akan boleh terus berucap dalam bahasa kebangsaan. Ini-lah satu chontoh yang patut di-turut dan di-amati² oleh tiap² sa-orang warganegara yang chintakan kepada kebangsaan Malaysia yang kita hendak dirikan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana sedia ma'alum pada sisi tuan sendiri, semenjak Dewan ini bersidang pada 19 haribulan Januari dahulu, sa-lain daripada dua kali saya bangun berchampur, ta' sampai sa-minit, saya ta' berchakap sa-patah pun, waktu kita berbahath Estimate yang biasa—Ordinary Estimates—dahulu, atau pun Estimates Pembenaan Negara, kerana sebab keuzoran saya, tetapi saya berasa dengan ada-nya di-hadapan kita satu masalah yang amat penting, maka ini-lah saya memberanikan diri saya berdiri untuk memberi buah fikiran saya mudah²an boleh menjadi panduan, tidak sahaja kepada sahabat² saya yang ada di-dalam Dewan ini, tetapi juga pada rakan² yang ada di-luar Dewan ini.

Kita sakalian yang hadir yang ada dalam Dewan ini yang menjadi Ahli Dewan Ra'ayat, kita sampai ka-sini

melalui beberapa saloran parti² politik, sa-telah kita di-pileh oleh ra'ayat mewakili ra'ayat di-Dewan ini, walau daripada apa parti politik sa-kali pun, kita dudok di-Dewan ini sa-bagai wakil negara sa-penoh-nya bertukar² fikiran, berbath untuk menchari jalan bagai mana-kah kita boleh mendapat membawa keamanan, kema'amoran dan kesejahteraan pada negara kita yang di-kasehi.

Tuan Yang di-Pertua, tiap² kali saya bangun berdiri berchampur dalam perbahathan, saya tidak sa-kali² lupa kepada apa yang kita lakukan pada tiap² hari kita mulakan persidangan kita ini, ia-itu kita membaca do'a memohon ka-hadzrat Allah subhanahu wata'ala memberi pertunjok pada kita menchari jalan yang baik. Biar-lah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan sa-baris dua daripada apa yang kita berdo'a pada tiap² pagi yang kita mulakan persidangan kita :

Ya Tuhan, berkata-mu ka-atas kami berhimpun di-pohon anugerahkan, taufek-mu hidayat-mu di-pohon menyuloh memandukan, pada ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran, pada segala perkara yang di-bentangkan, dengan saksama serta berkeamanan, menjunjong perintah dan kebesaran Tuhan, mudah-mudahan berlebeheh keamanan, kema'amoran dan kesejahteraan, bagi negara Malaysia, serta penduduk²-nya sakalian.

Saya ta' lupa sa-kali². Saya chuba bachakan pula apa dia sa-bahagian do'a dalam bahasa Ingeris bagi sahabat saya, yang barangkali ta' berapa boleh ikut, do'a yang di-bachakan oleh Tuan Setia-usaha Majlis pada tiap² pagi:

Let Thy blessing descend upon us here assembled, and grant that we may treat and consider all matters that shall come under our deliberation in so just and faithful a manner as to promote Thy Honour and Glory and to advance the peace, prosperity and welfare of Malaysia and its inhabitants.

Saya berani, Tuan Yang di-Pertua, menyebutkan itu sebab saya percaya ini-lah ketika-nya waktu mana tiap² sa-orang daripada kita kena-lah menahankan diri daripada mengeluarkan perkataan² yang boleh membawa kachau-bilau di-dalam negara kita ini. Apa yang kita hendak bahathkan ia-lah kerana hendak menchari apa jalan yang kita boleh bawa keamanan,

kema'amoran dan kesejahteraan kepada negara kita Malaysia dan sakalian penduduk²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali sahabat² saya yang datang dari luar negeri bersungut kepada saya kehairanan dan kepujian² mereka betapa-kah kita di-Malaysia ini yang mengandongi daripada berbagai² bangsa dan keturunan, boleh hidup dengan aman, sentosa dan bersatu-padu. Kata mereka: Kami boleh faham-lah waktu penjajah dahulu, penjajah itu memegang daching kuasa—balance of power, tiap² daripada kita Melayu baik, China, India baik, apa pun baik, masing² ada peruntukan bagi masing². Orang ini buat kerja-nya, orang ini berniaga dan lain², tetapi hairan sa-lepas awak ini semua merdeka tidak jadi apa² perbalahan dan perselisihan sa-hingga boleh hidup aman dan damai. Jawab saya: Terima kaseh banyak, betul bagitu, tetapi kalau sa-kira-nya awak tinggal dengan kami lama sadikit, tentu-lah boleh faham apa-kah sebab-nya.

Kita tak boleh napikan yang kita di-negara Malaysia ini, sekarang ini sudah menjadi Malaysia, dahulu Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) sudah bertambah² dalam gulungan kita yang menjadi warganegara kita—mereka² daripada apa keturunan. Saya minta izin ceritakan, Tuan Yang di-Pertua, waktu saya berkhidmat di-Amerika banyak kali saya di-jemput, daripada Persekutuan, Pertubuhan, universiti² dan lain²-nya pergi berchakap dan mengenalkan negara baharu kita yang baharu merdeka itu.

Saya ada terjumpa dalam simpanan saya beberapa salinan ucapan² yang telah saya sebut atau telah buat menerangkan kepada mereka apa-kah pendirian negara kita, waktu dahulu ia-lah Federation of Malaya lagi, sebelum menjadi Malaysia. Dengan izin tuan, saya chuba hendak bacha satu dua perenggan daripada ucapan yang saya telah buat lama² dahulu.

"The Federation of Malaya is a land of contrast, most of all, in its polyglot population. The contrast between the communities are more than mere differences of origin. To be a Malay or Chinese is to speak a language, to follow a way of life and to worship according to a religion which marks one of

as different from other communities. The sense of being different runs through the whole business of living, yet the Federation is a country where people live in the same towns, trade together, work together, play together in peace and harmony, despite the difference of culture. Each community contributes to the Malayan way of life and in turn each is dependent upon the contributions of the other."

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya sambong sedikit lagi, saya bukan hendak membaca semua, tidak—saya boleh pilih sahaja perenggan² yang boleh menepati bagi perbahathan kita pada hari ini. Saya sambong, dengan izin tuan:

"The diverse background of the people of the Federation, contributing varied traditional customs, also connotes several forms of religious affiliations. As in other affairs, there is a highly civilised degree of tolerance, one to another, regarding individual forms of worship. The mosques and temples and the churches and chapels, splendid and humble, and the many who flock to them on worship days greatly enrich the Malayan scene. By and large, whatever the community, it is a pious country which to some extent may be responsible for the well-mannered and hospitable attitude of the people in general."

Ada lagi satu perenggan yang saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, hendak sambongkan lagi:

"The practical proof that peoples of widely divergent spiritual faith can live together in peace, mutual respect and goodwill is a cause for pride. This harmony of which the pervading atmospheres of general accord in my country has often been cited as a remarkable example of that Chinese dictum that within the four seas all men are brothers".

Ini-lah bahan²-nya yang saya menerangkan kepada orang² di-Amerika bagaimana-kah pendirian kita terdiri beberapa tahun dahulu. Sa-sungguh pun kita di-Federation of Malaya dahulu berbelah bagi keturunan-nya daripada beberapa bangsa, tetapi, saya berasa megah boleh menerangkan kepada mereka bahawa,

"By unanimous agreement of all communities, we now have a Constitution for the country which provides, among others that Malay shall be the National Language and that by 1967 it will be the only language for official use."

Dan ini-lah bahan² yang mustahak yang kita telah masok, terakan, chatitkan di-dalam Perlembagaan kita. Di-dalam kita membahathkan Rang Undang² yang ada di-depan kita pada

hari ini kena-lah kita rojok balek kapada Undang² Perlembagaan kita baru-lah kita boleh dapat fahaman yang sa-penoh-nya apa-kah yang ada dalam niat dan tujuan Kerajaan men-chadang dan membentangkan Rang Undang² yang ada di-depan kita pada hari ini berkenaan dengan bahasa kebangsaan. Pada himat dan faham saya sendiri dengan kita adakan Rang Undang² ini tidak sa-kali² kita lari keluar daripada apa yang kita telah sharatkan dan masokkan di-dalam Constitution kita.

Clause 2 yang men-chadangkan bahawa bahasa kebangsaan di-gunakan untok maksud² rasmi tak ada siapa pun yang engkar. Pehak pembangkang pun bersetuju tetapi, dukachita saya pehak pembangkang telah berpechah belah, berbelah bagi tentang menen-tang akan sharat² yang lain itu. Pehak pembangkang daripada Parti Islam sa-Malaya berkehendakkan sa-mata² di-gunakan bahasa kebangsaan sahaja, jangan-lah gunakan bahasa yang lain sa-bagai bahasa yang rasmi. Kita dengar kelmarin daripada Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh dia pergi kapada extremes yang hujung pula ber-kehendakkan semua bahasa boleh di-gunakan dan patut di-gunakan.

Kita dengar hari ini daripada Yang Berhormat ahli daripada Batu dia kata Bill ini ada merit-nya. Kita berharap dia akan nampak jalan boleh menyokong Bill kita ini. Kita dengar pula Ahli daripada Bungsar—dia pun ber-chakap chukup dengan restrain—dan saya puji chakapan dia, tetapi dia minta Kerajaan timbangan, tambah lagi satu bab baru. Ini sudah ber-pechah daripada pehak sana—sudah empat orang kita dengar fikiran. Jikalau begitu kita yang duduk dalam Dewan ini kena-lah kita chari jalan—jalan yang boleh kita timbangan memuaskan hati semua dan juga melaksanakan apa yang kita janji². Dan menchari jalan supaya jangan dengan apa yang kita buat itu boleh melemah dan merentikan pentadbiran negara kita, perjalanan dalam mah-kamah² dan lain².

Pada fahaman saya dengan jalan Bill ini-lah, sa-lain daripada kita

melaksanakan janji² kita di-dalam Perlembagaan, ia-itu merasmikan bahasa kebangsaan itu bagi semua urusan ada juga kita mengadakan syarat² supaya jangan terhenti administration atau pun pentadbiran negeri ini.

Clause 3 telah di-tentang hebat dalam Dewan ini. Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah menerangkan apa-kah sebab kita mengadakan Clause 3 itu. Betul semenjak tahun 1957 kita telah menggalakkan bukan menggalakkan sahaja dan membelanjakan wang supaya kanak² boleh belajar bahasa kebangsaan tetapi adalah lagi di-antara kaum kita, warga negara kita, mereka² yang tertentu tidak faham atau payah hendak boleh faham bahasa kebangsaan dan Tunku Perdana Menteri telah menunjukkan contoh-nya dan petang ini tadi pun Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menyebut ia bersetuju patut ada terjemahan perkataan kata dia "danger" atau pun "merbahaya" patut di-adakan terjemahan supaya boleh menyelamatkan jiwa mana² orang yang tidak tahu apa dia perkataan merbahaya itu—ma'ana-nya dan boleh-lah lagi kita mengeluarkan beberapa lagi contoh. Dia menuduh kata-nya, dengan adanya Fasal 3 ini boleh kita menggalakkan multi-lingualism dan pada pagi ini saya mendengar ada siapa-kah bercakap gunakan perkataan "semi-officialism"—perkataan baharu. Fahaman saya tidak begitu. Terjemahan² yang akan di-buat itu ia-lah dalam mana² perkara sahaja yang di-fikirkan patut di-sebutkan dengan terus-terang di-sini: untuk maksud yang di-fikirkan perlu demi kepentingan awam. Bukanlah bagaimana yang di-bimbangkan kerana ada-nya Clause 3 ini tiap² surat Kerajaan, notice Kerajaan, semua-nya akan di-terjemahkan di-dalam bahasa apa jua. Memang di-dalam huraian pun kita sudah menerangkan dengan cukup terang.

Kemudian Clause 4 di-bimbangkan bahasa Inggeris akan menchachatkan kedaulatan bahasa kebangsaan yang telah di-rasmikan itu dengan sebab di-situ di-beri kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di-lanjutkan

untuk apa² maksud rasmi yang di-fikirkan patut.

Clause ini pada fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah supaya membolehkan kita berutus dengan negara² luar yang tertentu yang tidak tahu bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan kita atau pun kerana guna-nya mengikat perjanjian² dengan negara² luar dan juga dengan guna-nya seperti kita berutus dengan Pertubuhan Bangsa² Bersatu dan apa juga guna yang di-fikirkan patut, kita boleh gunakan bahasa Inggeris dan tidak sa-kali² pada fahaman saya kegunaan sa-bagitu boleh menchachatkan kedaulatan bahasa kebangsaan yang kita resmikan itu.

Saya sebutkan Pertubuhan Bangsa² Bersatu—pagi tadi rasa saya kalau tidak salah ingatan saya Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu ada menyebut, dia kata Inggeris itu bukan bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa² Bersatu itu. Kerana hendak membetulkan—sa-belum saya lupa bahasa Inggeris itu satu daripada 5 bahasa yang menjadi bahasa rasmi di-Pertubuhan Bangsa² Bersatu—bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Russia, bahasa Spanish dan bahasa China.

Clause 5 ini sudah banyak orang bercakap berkenaan dengan perkara ini ia-lah memberi peluang kepada Ahli² Dewan, sama ada Dewan Negara, Dewan Ra'ayat Dewan Perundangan Negeri, yang tidak berapa faham atau mahir bercakap bahasa kebangsaan, boleh bercakap dalam bahasa Inggeris sa-kira-nya di-izinkan oleh Tuan Yang di-Pertua atau siapa yang mengetuai Dewan² yang terma'alum, tetapi saya sendiri berharap Clause 5 ini tidak berapa lama kita boleh mansokhkan, kalau sa-kira-nya tiap² sa-orang yang chintakan negara, chintakan bangsa yang kita hendak dirikan sekarang ini dengan segera-nya mengambil kesempatan melancarkan diri masing² di-dalam bahasa kebangsaan (*Tepok*). Saya sendiri mengaku dengan bahasa kebangsaan yang telah di-terbitkan beberapa jilid buku² istilah oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, saya sendiri tidak terhambat, Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri terpaksa kena

bacha dan mengambil fahaman atas perkataan² yang bahru, tetapi saya rela menggunakan sa-berapa masa, sebab saya sa-bagai anak Melayu kena-lah saya faham sa-dalam²-nya apa² perkataan baharu yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Putaka dan saya mengambil peluang ini memuji Dewan Bahasa dan Pustaka atas kerja mereka sa-lama di-tubuhkan Dewan itu mengeluarkan kitab² atau buku² kerana hendak meluaskan bahasa kita, bahasa Melayu, supaya boleh menjadi bahasa kebangsaan yang tepat yang boleh digunakan oleh semua penduduk² negara ini tidak berapa lama lagi.

Ini saya sampai-lah kepada Undang². Terpaksa-lah, mengikut fahaman saya, kita mengadakan shariat² di-dalam Clause 6 ini ia-lah kerana pusaka yang kita terima daripada penjahah dahulu.

Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri baik, saya baik, siapa dia pun baik, yang belajar Undang² kena pergi belajar ka-negeri England, tidak ada sekolah Undang² kita di-sini dahulu. Baharu dalam sa-tahun dua sahaja di-buka Faculti Undang² di-Universiti Singapura, dan saya rasa, kalau tidak salah ingatan, di-Universiti Malaya kita pun baharu di-buka Faculti Undang². Mengarang Undang² ini bukan perkara senang, Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, silap faham Undang² boleh membawa kepada kedzaliman. Undang² itu ia-lah neracha ke'adilan. Saya ingat di-dalam Negeri² Yang Tidak Bersekutu dahulu—U.M.S.—sa-belum daripada perang ia itu negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu dan Johor, bahasa rasmi negeri dan Kerajaan itu ia-lah bahasa Melayu tetapi Undang² yang di-buat yang di-sahkan ada terjemahan-nya dalam bahasa Inggeris walau pun Undang² yang di-sahkan itu ia-lah dalam bahasa Melayu.

Di-negeri saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, Penal Code, Undang² Evidence, Undang² Criminal Procedure Code telah di-sahkan dalam tahun 1930 dalam bahasa Melayu, di-Kedah pun begitu juga. Saya banding tengok; tengok-lah section mana² di-antara

Kedah dengan Kelantan-kah atau dengan Trengganu-kah—lain² perkataan-nya di-gunakan. Kalau di-Kelantan kata Criminal Force itu Kekerasan Jenayah, di-Kedah kata Keras Criminal (*Ketawa*), di-Johor apa kata saya pun tidak tahu.

Jadi, ini-lah yang saya katakan Undang² itu jikalau tidak ada pakar²-nya yang sa-benar-nya faham bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan payah kita hendak mengubalkan satu Undang² yang boleh menjadi chukup terus terang, kepada loyar dan hakim², magistrate² kita sebab mereka-lah yang akan mentadbirkan ke'adilan di-dalam negara kita ini. Saya perchaya jikalau sa-kira-nya pengarang Undang² yang kita ada sekarang di-Pejabat Peguam Negara memereksa balek segala Undang² seperti saya katakan tadi—Penal Code, Evidence, Criminal Procedure Code, yang dalam bahasa Melayu yang di-buat di-Kelantan—jika periksa balek sekarang ini, oleh Legal Draftsman yang ada di-Office Peguam Negara, barangkali harus di-chaeng² sebab adalah di-situ tidak kena, di-sini tidak kena, di-situ tidak betul.

Saya sendiri chukup tahu di-atas kesusahan hendak mengarang Undang². Sebab saya sendiri menjadi Setia-usaha Kerajaan di-negeri Kelantan dengan itu menjadi Ahli Meshuarat Negeri daripada tahun 1934 sa-hingga saya berhenti dalam tahun 1953—tiap² keping Undang² yang di-bawa kepada Majlis Kerajaan Negeri Kelantan itu kena-lah melalui tangan saya sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Dan berapa-kah belas² malam yang saya tidak tidor tiap² bulan kerana hendak memereksa supaya jangan ada perselisihan apa². Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 saya yang menterjemahkan dengan pertolongan sa-orang pakar bahasa Melayu yang pandai, Dr Linehan, dan terjemahan itu pun jikalau sa-kira-nya di-pereksa oleh Legal Draftsman yang ada sekarang yang dilateh menggubal dan mengarang Undang² dalam bahasa kebangsaan itu pun saya fikir akan di-chaengkan² juga. Tetapi shukor kita daripada sa-hari ka-sahari Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengeluarkan perkataan² yang

baharu yang boleh menjadi tepat menggantikan perkataan² Undang² dalam bahasa Inggeris. Jadi, saya berharap tidak berapa lama lagi insha Allah kita dapat membentangkan Rang Undang² kita di-dalam Dewan ini di-dalam bahasa kebangsaan sa-terus-nya.

Clause 8 kelmarin Ahli Yang Berhormat dari Ipoh waktu dia menyen-toh Clause 8 mengatakan dengan ada-nya sharat² begitu—kalau mengikut sharat itu boleh jadi hakim yang berchakap satu bahasa, loyar-nya satu bahasa, saksi-nya satu bahasa, per-jalanan perbicharaan dua jam boleh jadi empat jam atau pun empat hari, tetapi dia tidak ingat berapa puloh hari atau bulan-kah boleh di-selesaikan satu² case itu jikalau kita mempersetu-ju²i chadangan beliau itu hendak adakan multi-lingualism di-negara ini? Itu beliau tidak ingat!

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, tegoran dan fahaman saya di-atas Rang Undang² yang ada di-hadapan kita sekarang ini. Di-minta-lah tiap² sa-orang memberi pandangan yang teliti dan fikiran yang jujur-nya atas apa yang kita hendak laksanakan dalam Rang Undang² ini. Mudahah² dengan muafakat, kerjasama, fahaman di-antara satu dengan lain, insha Allah negara kita ini akan boleh menjadi bertambah² maju, bertambah² aman ma'amor dan sentosa. Terima kaseh (*Tepok*).

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Mr Speaker, Sir, I feel it is a happy coincidence that I should be able to follow on in this debate after the Honourable last speaker's speech, because one cannot help but being moved by his eloquence; and if one were to allow oneself a little bit of latitude, one could easily be persuaded by much of the arguments that he made.

However, Sir, I must say that I have anticipated this Bill for a very long time and it was rather surprising to me that after very nearly ten years of waiting for what the Alliance Govern-ment would eventually produce as its next step forward from the constitution-al provisions on language as written down in Article 152 and all its Sub-clauses, we are today presented with a legislative Bill which is very much the

same in words and wording with the Clauses of the Constitution as it was written ten years ago. Under these circumstances, I must confess, right at the very beginning, that it would appear difficult for me to contribute very much in argument against this Bill, particularly in view of the fact that some 10 years ago I, myself, to some extent had been associated with the drafting of the provisions, of the wording, in the Constitution. Therefore, Sir, one would either have to go back to the arguments of the past, or one would have to try and reason further ahead.

Sir, the question that must be deep in our hearts today is that this Bill, although it was introduced with so much fanfare—and certainly yesterday morning there was an air of expectancy, probably an air of drama, including the few minutes delay of the Honourable Prime Minister before making his grand entry in respect of the presenta-tion of this momentous and historic Bill—but in the course of 24 hours within this House alone there has slowly crept in a slight lethargy, a slight disinterestedness and a slight over-confidence that this Bill will go through in any case. Sir, one asks oneself this question: why is it that with one year of preparation outside this House, the Alliance announcement of its intention of making the national language the sole official language, today with the presentation of this Bill there is no great rejoicing and not much excitement outside this House? As a matter of fact, if one were to try to assess the general feelings of the country at this present moment, I think it is fair to say that predominantly there is a feeling of confusion. Secondly, there is a feeling of disappointment, and then, thirdly, some sense of frustra-tion and, perhaps, resentment against this Bill.

But, Sir, I would like, on this side of the House immediately, in so far as the Malay community in this coun-try is concerned, to congratulate the members of the Alliance Government and the Honourable Prime Minister for having fulfilled one promise at least which they made before independence

In actual fact, I do not understand why there should be any discontentment on the part of the Malay community against this particular Bill from the point of view of making the national language the sole official language because, Sir, this Bill in actual fact makes the national language the sole official language. As a matter of fact, if the Bill were presented ending after Clause 2, I think, Sir, much of the fears of the Malay community would be completely allayed.

However, Sir, I have had quite some experience in dealing with the Honourable Prime Minister over major issues of national importance. To a lot of people he may appear to be a very simple, happy-go-lucky politician, but I assure you that as far as hard bargaining is concerned over political issue, he is without doubt a born genius for hard compromise and hard-earned achievement of this nature. Sir, I have on many occasions in the past, until I found that I could not tolerate it any more and I came over to this side of the House (*Laughter*), discovered that whenever an issue was taken up with equal frankness and with equal determination, in the same spirit of the prayer which was repeated to us so beautifully and eloquently by the Honourable Member who last spoke, whenever we presented the views and the aspirations of the other communities in this country, we were immediately posed with this problem, "Look at all the trouble that is being caused by the Malay community".

Sir, this should be in actual fact a day not only for rejoicing of the Malay community but a day of rejoicing for everyone of us who were associated (*Applause*) in 1957 to promulgate and pass the Bill which heralded and made a fact of the Constitution of the Federation of Malaya which today is the basis of the Constitution of the Federation of Malaysia. Everyone of us rejoices on this point and I can stand here, Sir, clearly to say that I am speaking not only for myself but I am speaking also for large numbers of the Chinese community, who had at one time supported me in the promulgation of that Constitution.

Sir, we must not only talk in terms of goodwill, tolerance, brotherhood and patience. That everyone knows. A nation is not born in a day, a nation takes a long time growing and for a nation, particularly like ours built on a multi-racial structure, emerging from the tightly bound shackles of colonial administration, it takes quite some time before we can achieve our objectives. Sir, 10 years according to the Honourable Prime Minister has been a long time but, Sir, I do not agree with him on this point. Ten years may be a long time in the life-span of any one individual person, but certainly ten years is a very short time, a brief moment, in the history of a nation, of the type of nation which I am sure everyone in this House aspires to help contribute in the achievement of. Sir, I refer to this question of time because, I think, quite apart from goodwill, tolerance and brotherhood, there is one word which seems to have been left out by my two former friends, the Honourable Minister of Finance and the Minister of Works, Posts and Telecommunications, and that is understanding.

Sir, I feel that if we want to know why today, instead of rejoicing in this country, there is a sense of resentment and a sense of disappointment and frustration over this Bill, we must try to understand what are the deeply hidden feelings of the people in this country and why these feelings are there. We should not threaten them, and this is the one point over which I feel that I was right in crossing over here—as I said, it was very interesting because the last Honourable Member who spoke used to be just on the opposite side, Sir, as I was (*Laughter*). Sir, I feel that it is strange, a very strange thing indeed, for the Honourable Prime Minister, for a man like Tunku Abdul Rahman, with all his shrewdness, with all his greatness, his unique qualities, that he should on this occasion not only present the Bill but at the same time add two warnings—one a warning to his own colleagues and his own supporters, and the other a warning to the Opposition.

One warning was, "I stand or fall by this Bill and so do my colleagues".

Sir, I do not see why he should stand or fall. I think he should be glorified. But he further adds a warning against the Opposition in case the Opposition twists and turns the purposes of this Bill, in order to sabotage the growing spirit of nationalism in this country. Sir, I can assure not only the Honourable Prime Minister but I can assure all the Members of this House, and the people in this country, that we, the members of my Party, have no intention whatsoever to try to fan up the feelings that can so easily be fanned up, which are latently dangerous over this question of the language issue. But nevertheless, we will not be prevented and we would ask the Government not to try and suppress us, when we try to explain to the people why this feeling should be there. Sir, if I am given some time, I would like to go back a little in the recounting of the story of why this resentment has existed and I would try, in the same process, to unite the differences of opinion expressed by the different quarters of this section of the Opposition.

The Honourable last speaker so beautifully split us into little compartments as one would expect in a debate on the language issue he could so easily do. In actual fact, Sir, I maintain that it is the same spirit and the same aspirations that motivate us on this side of the House and although our message may be the same, although perhaps the goals of some of the parties may be different, yet the basic fundamental right is the same and is actually in fact no different from that across the House, because we too on our side hope by our views to contribute to the future development and the growth of this nation.

Sir, where is the disagreement and how did it come about? It was a quirk of destiny that an Englishman should have served his early years in Shanghai and Hongkong and ended up as the Governor in the States of Malaya before the War, and a "Chinaman" born in Malacca—30 years ago the popular word used to refer to the Chinese and the Chinese, I do not know why, used to take umbrage over

the word "Chinaman"—should come together at a very crucial time in the history of this country. The Honourable Member who spoke last referred to the difference in the laws of Kelantan and Kedah up to 1930, when they were still retained to the Malay language of the different States. I think just now in the lobby he confessed to me that at one time the language in Kelantan could not be understood by the people down in Johore.

Tan Sri Nik Ahmed Kamil: On a point of clarification, Sir. I said that in relation to the spoken language, Mr Speaker, Sir.

Dr Lim Chong Eu: I accept that correction. All I meant to say was that there was a slight difference in language and in dialect. However, Sir, what happened was that soon after that period in 1930 or 1931, the British colonial administration under Sir Cecil Clementi, that young Englishman who went to Shanghai and Hongkong and learnt to love Chinese culture before the introduction of Mandarin, or Kuo Yü, and who felt that the insurgents who had come out with Mandarin were all useless and breakers of the peace, malcontents, disturbing the beautiful culture of China: Sir Cecil Clementi derogated the Chinese in this country as being people with no culture, as "sons of coolies" whose views may not be considered. At that period under Sir Cecil Clementi a critical decision had to be taken and the decision which was to be taken at the Legislative Council of those days was whether the educational system in the old days in the old Federation of Malaya—the Federated States of Malaya, the Unfederated States of Malaya and the Straits Settlements—should be conducted in the English language, or in the Malay language. It was critical, dramatic and highly momentous. Some of us can recall the drama of that occasion, because the decision then was to make English the main medium of instruction and the English language to be the medium of the educational system in this country. The compromise made in those days was to give free education to the Malay

community but only up to Standard Five; and as for the Chinese language, it was just pushed aside. This is almost a second generation debate in so far as the history of this country is concerned on the language issue, because the advocate for the use of English as the medium of education at that time was Mr Tan Cheng Lock, later Sir, Dato' and Tun, the father of our Honourable the Prime Minister today. (*Laughter*).

Mr Deputy Speaker: The Minister of Finance!

Dr Lim Chong Eu: Sorry, Sir, the father of our Honourable the Minister of Finance.

The drama on that occasion was provided by the walkout of the Council by Mr Lim Cheng Ean, who is still alive, the father of one of the leaders of the one time Socialist Front and now the Labour Party, the Honourable Member for Dato Kramat, who interestingly on this particular occasion has not shown any sign in this House. I do not know whether it is history repeating itself or otherwise. Had it not been for that decision taken at that time, I think, Sir, today much of the differences of opinion and much of the difficulties that we have to face, in fact, need not have arisen. Sir, what are the difficulties that we face? The difficulties that we face, I think, are due to the fact that the man chosen to implement the decision taken on that occasion happened to be a real genius, a genius on his own, not the type of genius mentioned by the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications, the President of the M.I.C., the three-headed monster genius. That genius, Sir, was the late Mr H. R. Cheeseman. Whether we like it or not, it was because of the particular genius of the late Mr Cheeseman in implementing to the full the use of the English language that today the English language has pervaded so many parts, so many sections, and so deeply into the structure and culture of our country—so much so that today this Bill in actual fact cannot effectively make Malay the sole official language, because Sabah and Sarawak in actual

fact have to be left out and over there in Sabah and Sarawak English still remains the predominant language. That is the fact which we must all accept. Once we accept this as a fact, we have to realise that for the National Language to take over the place of the English language must take time. It must take time. Our own educational system after ten years under the Alliance cannot in any way be compared to the success of the system enunciated by Mr Cheeseman and his colleagues who followed him. If it took the British 30 years to implement that policy, we cannot be so proud, or so arrogant, as to think that we can change that system of culture in a matter of ten years.

Sir, that was why, originally, right from the very beginning, I differed in opinion over this question of the time of application of the national language as the sole official language.

In actual fact, Sir, what this Bill represents, and why there is some degree of disappointment and, perhaps, dissatisfaction in the Malay community is because this Bill admits quite clearly that although we have given and accorded the Malay language its rightful place as the national language and the sole official language in this country, yet, in actual fact, it cannot be the sole official language in practice, and English has still got to be used to supplement the forces of the Government in the proper administration of this country. Sir, this is an admission, an admission which we should not be ashamed of and I am sure that if the members of the Malay community realise that when I support this part of the Bill, up to this point—I am clearly and fully associated with them in the desire to advance this nation of Malaysia along the lines of the language that has been chosen, along the lines of the national language, and along the lines of accepting the national language to be the sole official language. Up to this point we have no differences.

Sir, we also have no differences when we look back again to the consequences of that decision taken in 1931. What were the consequences and what are

the people fighting about just now—over the question of whether Malay shall be called the official language, Bahasa Kebangsaan changed to bahasa rasmi, or what? What is in a name? Certainly, Sir, the other negotiators, who produced this Bill, the members of the hard trading Chinese community would not be bothered about what is in a name. What we are fighting for, Sir, is much more fundamental than that to the Malay community and we have to give credit to the Malay community and to the UMNO, in particular, because they spear-headed the drive towards nationalism after the War. It was under them that this country attained independence.

Sir, to them the making of Malay as the National language and making Malay as the sole official language is a matter of national pride. This we all share today. It is a matter of prestige—this we all concede today. It is to them also a matter of social and economic necessity, a matter of livelihood, and not just a matter of feeling. Because, Sir, for the past thirty years everyone knows that when the Malay youths come out with a Standard V Malay certificate—free, guaranteed, official in this country—they cannot get a proper job. That is what they feel. Similarly, Sir, I would like to state that to the Chinese community—and here perhaps we should remove the racial element from the debate and refer to the language of all the other communities in this country—the matter is not a matter of prestige or national interest, because on that, in the words of the Honourable Prime Minister when he moved his motion on this Bill, everyone accepts Malay as the national language and the official language, but with the other communities it is a question of livelihood, a question of social and economic necessity.

Sir, we would have hoped to see that after ten years the Alliance Government in the next step towards implementing the position of the language issue would either have destroyed my opinions in the Opposition, or would have convinced me to their point of view. But, Sir, I am afraid they have

not done so, because Clause 3 and Clause 4 of the Bill are meaningless.

Whereas Clause 2 must be meaningful to the Malay section of our national community, Clause 3 and Clause 4 are meaningless to us. Sir, why do I say this? Sir, when I first looked through this Bill, at first glance, I thought that I was not just reading what is called the National Language Act but I was reading the National Language Act and the preservation of the special position of the English Language Act. Sir, why do I say this? Because, of the argument that has been advanced by the Honourable Minister of Finance—and, I think, in his argument he has divided the clauses in this Bill into three parts: the first part which is constitutional, makes the national language as the sole official language, the second part deals with the concession, so-called, the more liberal use of the languages of the other communities; and the third part deals with the continued use of the English language.

Sir, using the same kind of division, we would like to know why, if English is now no longer an official language, and today the Bill spells out for us what an official language means. Sir, actually throughout the whole of this Bill the term “official language” does not appear. It is only for convenient purposes that we translate these words which appear legally and constitutionally; the national language shall be used for official purposes to mean official language. So all along we have been fighting over definitions. What do we mean by official purposes? What is the difference of the official language from the other languages? As a matter of fact, Sir, the Constitution provides a definition of the use of the official language and particularly for the inclusion of the use with regard to the English language in five clauses. Today we have extended those clauses and we have a better understanding and a clearer view of how the English language is to be continued to be used as a subsidiary language for the implementing of official purposes.

Sir, Clauses 5, 6, 7 and 8 spell out what these official purposes may be. What we do not understand, Sir, is contained in Clause 4, "The Yang di-Pertuan Agong may permit the continued use of the English language for such official purposes as may be deemed fit". Sir, we can find no indication at the back of the Bill as to what these "official purposes as may be deemed fit" can mean. Either, Sir, it gives the English language a special position and an extended position, or there are other interpretations of what is the meaning of an official language; other interpretations of the use of official language which are not clarified for us by this Bill

Sir, in so far as I am concerned, in so far as my Party is always concerned, and so far as a lot of people have been concerned, from what I have discussed earlier the question is the question of livelihood and this question of livelihood is tied up with the question of education and the question of certificate of examination. Sir, in this country the temper and the feelings over the question of the official language never rose to any height at all until 1960, when after the review of the Razak Report in 1960 the Rahman Talib Report recommended that the examinations shall be held in the official languages. Ever since that time, Sir, feelings became unbridled and feelings became high. The reasons for that, Sir, are not because the people challenged the special position or the rights of the national language of becoming the sole official language. The feelings are because they have no way out for the same means of livelihood.

Sir, I tested this issue out earlier on in the course of the session of this House by asking, during the course of the debate on the Development Estimates, what the Honourable Minister of Education intends to do in the future with regard to the system of examinations, and we were told that as far as the primary examinations are concerned they can be held in the medium of instruction no matter in what language it is taught, but that in so far as the secondary education is concerned, examinations will be con-

ducted only in the national language and in English.

Sir, under those circumstances one must presume that if this Bill goes through the only way whereby the English language can continue to be used as a medium of examinations must be through the application of Clause 4. Otherwise, Sir, I cannot see how the English language, which is now no longer the official language, can still be used as a medium of examination. That it should be used as a medium of instruction and of learning is guaranteed by sub-clause (1) of Article 152 of the Constitution. As a matter of fact, Sir, all that the other people—the members of the other communities who represent the other languages written down in our Constitution—ask is that today their position should be no different from that of the English speaking community.

Why should there still be a difference? Sir, I ask Honourable Members to think back carefully. If in the past they had advocated the battle for independence, because they understood that a Form V Malay Certificate is not good enough to give them the same parity or opportunity of livelihood as other members of the national community, Sir, why today impose this type of disadvantage to those other members of the community who speak other languages? What about the position of the other languages of the communities in the Federation. That is why, Sir, I say that there is certainly a feeling of resentment in some quarters in this nation. This feeling, Sir, some people think can be solved, if we were to give them multi-lingualism, some people think it can be solved if we ask for the other languages to become official languages; but, Sir, in its ultimate, this problem can only be solved when the Government can truly and fully provide for a system of education, whereby every child in this country can go through the medium of instruction in the national language and finally pass examinations in the medium of the national language. That is the only way but the hard fact is that we cannot achieve this target immediately. What then are we going to do for those

whose opportunities are curbed? We are asking them and this is another point, we are virtually asking them to sit for examinations in the English language because up to now, although it is theoretically correct that the official examinations should be held only in the official languages, we know that the vast majority of pupils after finishing 13 years of education sit for their examinations in English. The national language is a compulsory subject only in the Malaysian Certificate of Examination. It happens to be coincidental that the results of the Cambridge Examination should come out today. There may be large numbers of failures in the Cambridge Examination Certificate, not because the children have not passed the national language, which we hail so brilliantly and so eloquently throughout this House, but because they have failed in English.

Sir, I have always advocated that the way to clear and separate these two issues of language and education, and the way to solve this question of parity of livelihood, is to provide the people who choose to exercise their constitutional rights to learn, to study and to be instructed in the language of any other community in the Federation should also have some way out, some means out, so that they can have an economic stake in this country. It is a simple matter that after 13 years of education some large sections of our own people, Malaysians, some of whom speak the national language far more eloquently and far more freely than the Honourable Member for Batu, but that, Sir, does not necessarily mean that they have the same degree of loyalty to this nation as the Honourable Member for Batu, or the Honourable Members from the other side of this House. But they certainly can speak the national language better, they can throw up pantuns with their left hand and right hand any time you like.

Sir, the question is a question of economic and social status. Now, I appeal very strongly in this House to those Members of the Malay community, who feel that this Bill is taking away rights from them and that the resentment from some quarters in this

country is because they do not want Malay to be the official language, is not true. What they want is something else. What they want is a solution of their problem of livelihood, how can they be given an equitable position. Sir, that is why at the very beginning we chose the words very carefully in drafting, the objectives of my party. We say that we will fight for the attainment of an equal, just and rightful place for the Chinese language and for the language of the other communities in this country.

What is the rightful place? The rightful place, Sir, I suggest, must be below that of the national language, the national language being the sole official language. Sir, if there is any distinction today, the distinction is simply this: where today the Malay community is already free as far as the language issue is concerned, the members of the other communities in this country are still shackled to the old colonial rule under the English language.

Sir, it is not we in the Opposition who twist and turn. The contortions of introducing this Bill are interesting, like those of a three-headed contortionist. Where the shackles used to be at the neck, they have managed to shove it down to the waist, but it is still there. That is why it was interesting to us that the Honourable Minister of Finance and the Minister of Works, Posts and Telecoms should start their speeches in the national language, half way through they go on in English, and end up with a pantun. Sir, it is almost as though the tongue is speaking something, the body is shaking something, and the legs and other appendages shaking elsewhere.

